

TARIKH: 6/5/2023
SURAT KHABAR: Harian Metro
MUKA SURAT: 1A.

SESAK 40 ORANG SEBILIK!

120 pekerja Bangladesh huni penempatan haram tanpa keperluan asas

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Nilai

Bersesak 40 orang dalam satu bilik asrama selain berkongsi satu tandas tanpa pintu serta tiada kelengkapan asas.

Itu gambaran keadaan penempatan haram yang dihuni 120 pekerja warga Bangladesh di empat unit rumah kedai Jalan Bandar Baru Nilai 1/6B, di sini, sejak empat bulan lalu.

Lebih memilukan, pekerja ini mengadu tidak dibayar gaji sejak Januari menyebabkan mereka terpaksa memasak sendiri menggunakan dapur gas di atas lantai bilik yang dilihat memburukkan lagi keadaan asrama berkenaan.

Alamgir Abdulrauf, 23, berkata, Aidilfitri dan Ramadan kali ini paling teruk dalam hidupnya apabila terpaksa menyambutnya dalam keadaan serba daif tanpa kehadiran keluarga.

"Saya tinggal di sini sejak empat bulan lalu dan hanya sempat bekerja selama dua bulan tanpa dibayar gaji. Saya terpaksa meminta keluarga di Bangladesh supaya menghantar duit kepada saya, ia sangat memalukan."

"Mungkin makanan kami di kampung tidak mewah, sekurang-kurangnya sambutan Aidilfitri sangat meriah dengan keluarga di sisi. Tapi, di sini, kami terpaksa berlapar dan tinggal di asrama yang panas ini," katanya ketika ditemui, semalam.

Alamgir antara pekerja warga asing yang bakal dipindahkan ke asrama yang lebih baik di kawasan berdekatan selepas Ops Pindah 2 dijalankan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Sembilan, semalam.

Bagi Ariful Islam Sujon, 23, berkata, dengan keadaan cuaca sekarang, bilik berkenaan agak panas kerana hanya dilengkapi tiga



Saya tinggal di sini sejak empat bulan lalu dan hanya sempat bekerja selama dua bulan tanpa dibayar gaji. Saya terpaksa meminta keluarga di Bangladesh supaya menghantar duit kepada saya, ia sangat memalukan"

Alamgir



Mana-mana majikan atau penyelia CLQ yang gagal mendapatkan perakuan penginapan, jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya"

Roslan

kipas industri menyebabkan rasa tidak selesa terutama waktu tidur.

"Di sini tiada almari, tiada kantin, tiada tempat basuh pakaian. Kami berkongsi bilik dengan 37 rakam lain dengan hanya satu bilik mandi dan satu tandas tanpa pintu.

"Saya harap majikan dapat berikan gaji dan tempat tinggal yang lebih baik kerana saya masih mahu bekerja di negara ini untuk mencari rezeki buat keluarga di kampung," katanya hiba.

Pengarah Tenaga Kerja Negeri Sembilan, Roslan Bahari berkata, majikan pekerja terbabit diambil tindakan mengikut Seksyen 24D, Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pe-



CHEW (tengah) bersama Roslan (kanan) ketika meninjau keadaan kotor di penempatan haram yang dihuni 120 pekerja warga Bangladesh. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

kerja 1990 (Akta 446).

"Mana-mana majikan atau penyelia penginapan berpusat (CLQ) yang ingin menempatkan pekerja di tempat kediaman, mereka perlu mendapatkan perakuan penginapan daripada JTK.

"Mana-mana majikan atau penyelia CLQ yang gagal mendapatkan perakuan penginapan, jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya," katanya.

Sementara itu, Exco Sumber Manusia, Perlindungan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chew Seh Yong berkata, ini kejadian kedua dalam tempoh sebulan di lokasi sama membabitkan situasi yang hampir serupa.

"Kami difahamkan, pekerja ini dibawa masuk secara beramai-ramai, namun tidak ada penempatan. Sepatutnya majikan men-



SEBAHAGIAN warga Bangladesh di hadapan kediaman mereka.

dapatkan penempatan pekerjaan terlebih dahulu sebelum membawa masuk pekerja," katanya.



KEADAAN asrama penempatan warga Bangladesh yang kotor.

